

Persepsi Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam Terhadap Amalan Seks

¹Farahwahida Mohd. Yusof, ¹Norazila Binti Sugiman
¹Faculty of Education, Universiti Teknologi Malaysia 81310 Johor, Malaysia

Abstrak: Kajian ini dilakukan bagi mengetahui persepsi pelajar terhadap amalan seks bebas dalam kalangan pelajar tahun empat Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Kajian ini juga bertujuan mengenalpasti pandangan pelajar terhadap langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah seks bebas yang berlaku dalam kalangan pelajar IPTA serta faktor-faktor yang mendorong berlakunya masalah seks bebas. Populasi kajian adalah seramai 482 orang pelajar dari 14 kursus dan sampel dalam kajian ini merupakan keseluruhan populasi. Walau bagaimanapun, hanya 427 set soal selidik dapat dianalisis kerana 55 set tidak dikembalikan. Set soal selidik mengandungi 37 item telah diedarkan kepada responden dan dianalisis secara deskriptif untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratusan dan min menggunakan perisian Statistical Package For Sosial Science (SPSS). Nilai kebolehpercayaan instrumen kajian ialah $\alpha = 0.85$. Analisis data dinyatakan dalam bentuk jadual. Secara keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan persepsi pelajar terhadap amalan seks bebas adalah tinggi dengan nilai min 4.69. Manakala min bagi persepsi pelajar terhadap langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah seks bebas yang berlaku dalam kalangan pelajar IPTA pula adalah sederhana iaitu 3.34. Sementara faktor utama berlakunya amalan seks bebas dalam kalangan pelajar IPTA ialah media massa dengan nilai min 3.96.

Katakunci: Persepsi pelajar, Amalan seks bebas

Abstract: The purpose of this research is to investigate students' perceptions towards free sexual practice among fourth year students of Faculty of Education, University Technology of Malaysia. Besides that, the purpose of this research is to identify students' perception towards the steps need to be taken to overcome free sexual practice among IPTA students, as well as the factors which lead to the problem. The population of this research was 482 students from 14 courses and the sample of this research was the whole population. Never the less, only 427 sets of questionnaires were analyzed because 55 sets were not returned. The questionnaires contained 37 items which was distributed to the respondents and was descriptively analyzed to obtain the mod, percentage as was as mean by using the Statistical Package For Sosial Science (SPSS) software. The validity value of the research instrument was $\alpha = 0.85$. The data analysis is shown in tables. Overall research shows that result of the students' perception towards free sexual practice is high with mean 4.69. On the other hand, mean of the students' perception towards the steps need to be taken to overcome the problem is moderate which is 3.34. Meanwhile the main factors which lead to free sexual practice is mass media with mean 3.96.

Keywords: Students' perceptions, Free sexual practice

1.0 PENGENALAN

Berdasarkan ayat di atas Islam melarang segala perlakuan seksual di luar nikah mahupun seks bebas seperti yang diamalkan oleh masyarakat Barat. Ini bagi menjaga kejelasan jalur keturunan manusia dan mencegah daripada terjadinya pelbagai permasalahan akibat hubungan jenis yang tidak teratur. Dalam Islam, seks adalah suatu yang suci, terpelihara dan menjamin keharmonian sosial. Justeru dalam Islam melakukan seks di luar pernikahan adalah termasuk di dalam dosa besar. Ia merupakan jenayah yang membolehkan pelakunya menerima hukuman yang berat iaitu 100 kali sebatan kepada yang masih bujang, kerana mereka tidak mempunyai saluran yang sah untuk menyalurkan keinginan. Manakala bagi mereka yang telah berkahwin akan dikenakan

hukuman rejam menurut majoriti ulama. Hukuman ini sebagai pengajaran kepada mereka yang mencari sumber yang haram sedangkan mereka mempunyai jalan yang halal. Oleh itu, perkahwinan yang disyariatkan oleh Islam kepada umatnya merupakan sebaik-baik jaminan untuk memelihara akhlak dan menjaga pandangan serta memelihara kehormatan diri.

2.0 LATAR BELAKANG MASALAH

Satu laporan mengenai fenomena remaja Malaysia dan seks telah didedahkan oleh Healthcare Malaysia Sdn.Bhd yang dibuat oleh Durex 2002 ke atas 2,500 responden lelaki dan wanita yang berumur lingkungan 18-30 tahun tanpa mengira bangsa. Berdasarkan soal selidik yang dikemukakan, didapati remaja yang berumur lingkungan 18 hingga 24 tahun paling kerap melakukan hubungan seks dan melahirkan anak luar nikah. Purata daripada mereka melakukan hubungan sebanyak 121 kali setahun atau tiga kali seminggu. Didapati percintaan merupakan faktor utama responden melakukan seks bebas.(Mohammad Shatar Sabran, 2003: 128).

Peratusan remaja Melayu yang melakukan seks bebas semakin meningkat sejak sedekad yang lalu. Majoriti orang Melayu iaitu 65% adalah beragama Islam tetapi malangnya amalan seks bebas ketika usia terlalu muda sangat nyata dan secara perlahan-lahan meningkat (Mariani dan Hamidah, 2005: 28). Masalah ini turut melibatkan pelajar-pelajar IPT, di mana terdapat banyak tulisan seperti akhbar, majalah dan artikel yang memaparkan tentang isu seks bebas yang berlaku dalam kalangan mahasiswa termasuklah pengakuan pelajar IPT sendiri yang melakukan perbuatan tersebut dan hamil anak luar nikah. Akhirnya mereka terpaksa mendiami rumah perlindungan wanita dan berhenti dari pengajian (Maszlee Malik dan Hamidah Mat, 2007:134).

Kajian berkenaan dengan seks bebas ini turut dilakukan oleh Puan Mazlin Mohamad Mokhtar, Pensyarah dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang bertajuk *Sex On Campus*. Kajian yang dijalankan bertujuan mengetahui tabiat seksual dalam kalangan pelajar berumur 18 hingga 25 tahun dari empat buah universiti awam dan swasta. Keputusannya menunjukkan bahawa 50 % daripada pelajar universiti di Malaysia adalah aktif dari segi seksual (Chong Lip Teck, 2006).

Kenyataan ini menunjukkan masyarakat hari ini berada pada tahap yang sangat kritikal dalam keterlibatan salah laku seks bebas. Lebih-lebih lagi apabila ia melibatkan pelajar IPT yang diharapkan sebagai pemangkin untuk membentuk generasi yang bersahsiah tinggi di masa hadapan.

3.0 PERNYATAAN MASALAH

Islam memandang berat kesalahan zina kerana mengundang pelbagai keburukan kepada pelakunya dan masyarakat. Dalam Islam, zina merupakan perbuatan yang haram dan berdosa besar. Namun lebih dibimbangi apabila golongan berpendidikan tinggi juga turut mengambil bahagian melakukan perbuatan haram tersebut iaitu dalam kalangan mahasiswa Institut Pengajian Tinggi sama ada awam mahupun swasta.

Seks bebas banyak mendatangkan kesan buruk sama ada dari sudut jasmani, akhlak, emosi, sosial dan ekonomi. Dari sudut kesihatan, ia membabitkan kesan reproduktif khususnya bagi wanita termasuk berlakunya kehamilan yang tidak dirancang dan di luar perkahwinan yang

terpaksa disembunyikan. Akhirnya berlaku gejala sosial lain termasuklah pembuangan bayi, pengguguran kandungan, pembunuhan dan sebagainya.

Jangkitan penyakit berjangkit seperti HIV (Human Immunodeficiency Virus), AIDS (Acquired Immune Deficiency Syndrome) dan pelbagai lagi jenis penyakit kelamin juga mudah merebak melalui amalan seks bebas. Kesan daripada penyakitpenyakit ini akan memberi impak yang negatif terhadap pembangunan keluarga, masyarakat dan negara. Apatah lagi jika ia melibatkan mahasiswa universiti yang diharap dapat membangun dan membentuk sebuah negara yang bertamadun. Adakah mahasiswa yang selalu bergelumang dengan dosa zina ini dapat diharapkan untuk menjadi pemimpin negara dan contoh terbaik kepada rakyat?

Melihat fenomena ini turut berlaku dalam kalangan mahasiswa universiti, maka situasi ini telah mendorong penyelidik untuk mengkaji persepsi pelajar terhadap fenomena seks bebas yang berlaku dalam kalangan pelajar IPTA, faktor serta langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah seks bebas dalam kalangan pelajar IPTA. Kajian ini turut melihat secara langsung adakah amalan seks bebas berlaku dalam kalangan mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia (UTM) khususnya terhadap pelajarpelajar tahun empat Fakulti Pendidikan yang bakal menjadi pendidik dan pemimpin anak bangsa.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan adalah berdasarkan kepada beberapa objektif iaitu:

1. Mengenalpasti persepsi pelajar IPTA terhadap amalan seks bebas.
2. Mengenalpasti persepsi pelajar terhadap langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah seks bebas dalam kalangan pelajar IPTA.
3. Mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong berlakunya amalan seks bebas dalam kalangan pelajar IPTA.

5.0 PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah faktor yang paling dominan seperti faktor suasana sekolah, latar belakang keluarga, sikap pelajar, faktor psikologi dan pengaruh rakan sebaya terhadap pelajar agresif.
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor suasana sekolah, latar belakang keluarga, sikap pelajar, faktor psikologi dan rakan sebaya terhadap pelajar agresif mengikut jantina.

6.0 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan bagi memenuhi syarat bagi mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam). Diharap kajian ini dapat dimanfaatkan oleh pihak-pihak tertentu dalam mengatasi dan mengurangkan masalah seks bebas yang berlaku dalam kalangan pelajar IPT khususnya mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia.

Kajian ini juga diharap dapat dimanfaatkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi dengan menjemput pihak pentadbir universiti untuk sama-sama berbincang bagi mencari jalan penyelesaian dalam membendung masalah seks bebas dalam kalangan pelajar IPT.

Kajian ini juga diharap dapat memberi kesedaran kepada ibu bapa agar memantau dan sentiasa prihatin terhadap aktiviti anak-anak di IPT supaya tidak terlibat dengan seks bebas. Di samping memberi didikan yang sewajarnya agar anakanak mempunyai akhlak dan sahsiah yang baik.

Sementara masyarakat diharap prihatin dan mengambil berat terhadap masalah seks bebas seperti menegur pelajar-pelajar yang berkelakuan tidak sopan di samping memberi kerjasama dengan pihak universiti dalam membendung masalah seks bebas yang berlaku dalam kalangan pelajar IPT.

7.0 SOROTAN KAJIAN

Seks bebas merupakan suatu perbuatan yang menyimpang dalam penyaluran keinginan seks secara fitrah iaitu berkahwin. Oleh itu penyelidik melihat beberapa pandangan daripada perspektif Islam dan Barat berkenaan dengan seks bebas.

Majoriti ulama fiqh mendefinisikan seks bebas sebagai zina. Terdapat pelbagai definisi yang diberikan oleh ulama dan cendekiawan Islam berkenaan dengan zina. Al-Syirazi iaitu ahli fiqh dari mazhab Syafi'e mendefinisikan zina sebagai persetubuhan yang dilakukan oleh seorang lelaki Islam dan yang hidup dalam negara Islam dengan seorang wanita yang dianggap haram disetubuhinya tanpa akad atau seumpamanya dan tanpa hak milik atau seumpamanya sedangkan ia seorang yang waras, baligh, bebas memilih dan tahu perbuatannya itu adalah haram (Paizah Haji Ismail, 1991: 174).

Sementara Ibn Qudamah dari mazhab Hanbali mentakrifkan zina sebagai menyetubuhi perempuan pada kemaluannya secara haram tanpa sebarang *syubhah*. Manakala Imam al-Dasuki dari mazhab Maliki pula mentakrifkan zina sebagai persetubuhan seorang yang mukallaf pada faraj manusia tanpa hak milik padanya mengikut hukum dengan cara yang haram (Paizah Haji Ismail, 1991:174)

Menurut Aristotle iaitu seorang ahli falsafah Barat melihat seks sebagai salah satu kebebasan. Sama ada sudah berkahwin ataupun belum, selagimana kedua-dua pasangan mahu dan ingin melakukan seks bersama-sama, maka mereka boleh melakukannya (J. Mark Halstead dan Michael J. Rein, 2003: 57).

Manakala menurut Frued, seorang ahli politik yang berfahaman materialis menganggap seks adalah aktiviti biologi semata-mata, tidak ada hubungannya dengan akhlak. Manusia tidak akan mencapai keyakinan dirinya tanpa pemuasan seks, kesemua ikatan agama, akhlak, sosial atau tradisi adalah ikatan yang salah yang boleh memusnahkan tenaga manusia. Ini bermakna setiap manusia bebas untuk melakukan hubungan seks tanpa dibatasi apa-apa terma dan syarat (Fathi Yakan, 1992: 16).

Terdapat banyak isu yang melibatkan remaja mahupun pelajar IPT telah menimbulkan kebimbangan dalam kalangan ibu bapa, masyarakat dan negara. Terutamanya isu dan kes salah laku seks seperti bersekedudukan, melahirkan anak luar nikah, pembuangan bayi dan meningkatnya peratusan gadis belasan tahun yang terlibat dalam seks bebas (Abd Rahim, 2001: 154). Rentetan dari masalah ini, penyelidik menjelaskan beberapa faktor berlakunya amalan seks

bebas dalam kalangan masyarakat. Di sini penyelidik menjelaskan lima faktor yang mendorong berlakunya seks bebas iaitu faktor diri sendiri, institusi keluarga, pengaruh rakan sebaya, masyarakat dan media serta faktor kerajaan.

1. Diri sendiri

Lazimnya perasaan ingin mencuba di samping nafsu yang tidak terkawal boleh mendorong seseorang melakukan seks bebas tanpa memikirkan kesan buruk perbuatan tersebut. Golongan remaja terutamanya paling mudah terpengaruh dan sering terdedah kepada unsur-unsur yang kurang sihat seperti dadah, mengambil minuman keras dan pergaulan bebas yang menjurus kepada seks bebas. Dalam keadaan demikian, jiwa mereka sering memberontak dan sentiasa ingin melakukan sesuatu yang baru tanpa mengira sama ada haram atau halal sehingga boleh merosakkan peribadi dan akhlak. Remaja terjerumus melakukan seks bebas kerana terlalu mengikut kehendak naluri yang mahukan kebebasan, lebih-lebih lagi remaja yang cetek akal fikiran (Ahmad Redzuwan, 2003: 3).

Selain ingin mencuba, percintaan juga tidak dapat dinafikan. Pasangan yang asyik bercinta kadangkala tidak menyedari bahawa tindakan seperti berdua-duaan, bergaul, bersentuhan antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim boleh mendorong seseorang melakukan seks bebas. Senario parah yang kian menular di Malaysia hari ini apabila remaja banyak terlibat dengan percintaan dan melakukan seks serentak demi cinta sejati. Kebanyakan pasangan melakukan seks luar nikah untuk mencari pengiktirafan bagi membuktikan kasih sayang terhadap pasangan (Amina Hj. Noor, 1998: 28). Mereka tidak dapat menolak cinta yang hadir malah gagal mengawal nafsu daripada menguasai jiwa (Maslee Malik dan Hamidah Mat, 2007: 113).

Seseorang yang terjebak dengan seks bebas, kebanyakannya adalah ekoran daripada berkhawatir atau duduk bersunyi-sunyian antara lelaki dan perempuan. Secara psikologi, lelaki dan perempuan yang bukan muhrim yang sedang berduaduaan akan mudah mengalami *total reflek*. Iaitu keadaan di mana seorang wanita tidak mampu berbuat apa-apa pada saat lelaki terdorong melakukan hubungan seksual dengannya (Siti Hajar Hj. Ibrahim, 2002: 63). Di samping itu berdua-duaan antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim juga biasanya akan membenarkan rangsangan-rangsangan seperti bersentuhan, berpelukan dan bercumbuan yang akhirnya membawa kepada perzinaan.

2. Institusi Keluarga

Keluarga merupakan sebuah institusi sosial yang berperanan untuk mengembang dan membangunkan keturunan. Dalam hal ini ibu bapa berperanan menjaga, melindungi, mendidik dan membimbing anak-anak hingga mereka dewasa. Walau bagaimanapun, institusi keluarga hari ini dilihat telah gagal memainkan fungsi yang sewajarnya dalam membentuk generasi muda yang bersahsiah tinggi (Aminuddin Ruskam, 2004: 49). Tambahan lagi dengan meningkatnya perceraian dalam kalangan suami isteri, penganiayaan terhadap anak-anak dan kurangnya kasih sayang sesama keluarga telah menyebabkan berlaku pelbagai masalah sosial seperti sumbang mahram, lari dari rumah dan masalah seks bebas (Mohd Taib, 2004: 161).

Ibu bapa sepatutnya memainkan peranan yang lebih menyeluruh untuk memastikan anak mereka dapat membesar dengan gaya hidup yang positif (Ahmad Redzuwan, 2003: 4). Tetapi ibu bapa kini terlalu berlepas tangan dalam mendidik dan membimbing anak-anak. Seinggakan ada di antara ibu bapa yang menonton VCD lucu bersama anak-anak dan secara tidak langsung mereka mendedahkan unsur kelucuan pada anak-anak (Mohd Shatar Sabran, 2003: 121). Ini menyebabkan anak-anak kehilangan contoh ikutan untuk membentuk diri mereka menjadi manusia yang berakhlak dan bersahsiah tinggi.

Kesan daripada kegagalan ibu bapa dalam memberi perhatian yang sewajarnya kepada anak-anak, menyebabkan anak-anak terjerumus dalam kancang yang tidak sihat seterusnya membawa cara hidup masing-masing. Akhirnya berlaku pelbagai keruntuhan moral seperti lari dari rumah, bohsia, pelacuran, buang bayi, vandalisme dan sebagainya (Fariza *et al.*, 2000: 128).

Walau bagaimanapun, masyarakat hari ini kurang kesedaran terhadap kepentingan agama sama ada dalam kalangan ibu bapa atau masyarakat umum (Zulkiffly Ahmad, 2006: 24). Ibu bapa umpamanya gagal memberikan pendidikan Islam yang sempurna kepada anak-anak seperti ilmu tentang tatacara pergaulan dan berpakaian yang dianjurkan oleh Islam serta perkara-perkara yang dihala dan diharamkan dalam Islam.

3. Rakan Sebaya

Remaja cenderung mencari teman yang sama dengan dirinya. Persamaan ini merupakan perkara yang penting bagi remaja kerana pada ketika ini remaja sedang berusaha untuk mendapatkan identitinya sendiri. Bahkan ada di antara remaja terpaksa meniru perilaku temannya hanya supaya dia diterima oleh kelompok tersebut (Mohd Shatar Sabran 2003: 124).

Pelbagai desakan yang diterima dari rakan sebaya mahupun teman lelaki atau wanita menyebabkan seseorang melakukan seks bebas. Berdasarkan pengalaman seorang pelatih di Rumah Bimbingan Raudhatus Sakinah yang pernah terjebak dengan perilaku seks bebas mengakui beliau sering terpengaruh dengan rakan-rakan seperti ponteng sekolah dan melepak bersama rakan-rakan. Apabila semua rakan-rakan mempunyai pasangan telah mendorongnya turut berpasangan yang mana akhirnya berlaku perkara terkutuk iaitu perzinaan (Zulmimazura Zahiri, 2007: 66).

4. Masyarakat

Masyarakat merupakan badan tidak formal yang bertanggungjawab secara langsung membina suasana persekitaran dan menyediakan keperluan masyarakat. Masyarakat bertanggungjawab melakukan amar makruf dan juga menyelesaikan kemungkaran yang membabitkan kesalahan-kesalahan kecil. Masyarakat dilihat sebagai ikon dan ikutan kepada masyarakat yang lain. Tidak kira sama ada jiran tetangga, ibu bapa, peniaga-peniaga atau ahli korporat, mereka semua tergolong dalam kelompok masyarakat sekaligus bertanggungjawab menunjukkan contoh tauladan yang baik kepada orang lain.

Namun masyarakat hari ini yang kononnya 'tidak mahu menjaga tepi kain orang' telah menyebabkan salah laku seks bebas meningkat. Walaupun mereka melihat dengan mata sendiri masyarakat sekeliling berkelakuan tidak sopan, namun tiada sebarang tindakan diambil sama ada menegur atau memberi nasihat. Situasi ini mendorong seseorang melakukan apa sahaja sekalipun

dikhalayak ramai kerana tiada siapa akan ambil peduli. Lebih-lebih lagi jika kurangnya semangat dan budaya kejiranan, salah laku seks semakin sukar untuk dibendung (Zulkiffly Ahmad, 2006: 30).

5. Media Massa

Selain masyarakat, media massa turut memainkan peranan penting dalam membentuk keperibadian masyarakat. Walau bagaimanapun, media massa hari ini memberi ruang yang terlalu luas kepada unsur-unsur maksiat dengan mencetuskan dorongan dan contoh negatif yang boleh meruntuhkan peribadi masyarakat (Zulkiffly Ahmad, 2006: 25).

Media elektronik umpamanya, banyak menayangkan tayangan yang berbentuk kemaksiatan seperti adegan bercumbu-cumbuan, berpelukan dan sebagainya yang boleh mempengaruhi kehidupan masyarakat terutamanya remaja ke arah perilaku negatif. Apa yang menyedihkan ada antara adegan tersebut dilakukan oleh orang Islam yang bukan muhrim untuk memenuhi tuntutan skrip bagi sesebuah filem (Ahmad Redzwuan, 20003: 2).

6. Kerajaan

Kerajaan memainkan peranan penting dalam membentuk keperibadian masyarakat menjadi insan yang berakhlak dan bersahsiah tinggi. Kerajaan berperanan membangun dan menstabilkan ekonomi negara, mewujudkan persekitaran yang selamat serta melahirkan masyarakat yang berilmu dan bertakwa dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek khususnya melalui sistem pendidikan.

Pihak kerajaan dilihat tidak telus dalam menangani masalah seks bebas yang melanda masyarakat hari ini. Ini terbukti apabila banyak aktiviti atau program yang dianjurkan oleh pihak berwajib telah menghalalkan kemungkaran seperti pergaulan bebas tanpa batas, mengenyepikan aurat serta menggalakkan pelbagai bentuk hiburan. Antaranya program-program seperti *Sure Heboh*, larian amal, Perkampungan Hadhari dan pelbagai lagi yang dianjurkan atas slogan memartabatkan Islam, kebajikan dan membantu rakyat banyak melibatkan keruntuhan moral. Sebenarnya kecelaruan Islam yang dicipta oleh kerajaan menyebabkan masyarakat menjadi keliru dalam memahami Islam dan amalan Islam yang sebenarnya (Berhanuddin Abdullah, 1997: 146).

7. Kesan Amalan Seks Bebas

Hubungan seks bebas memudahkan seseorang terdedah kepada pelbagai penyakit seperti *gonorhea*, sifilis, AIDS, *syankroid* dan sebagainya. *Gonorhea* merupakan penyakit yang boleh menyebabkan berlakunya inflamasi dan kronik pada rahim, testis dan kadangkala ia boleh membawa kepada kemandulan. Sifilis pula adalah penyakit pada kulit, sendi, tulang, otot, jantung dan penglihatan. Ia juga menyebabkan luka (yang tidak berdarah) pada kulit, muka dan lidah (Abdullah Nasih Ulwan, 2003: 150).

Bagi kaum wanita apabila sudah ternoda, mereka akan merasakan dirinya sudah rosak, tetapi tidak bagi lelaki. Malah persepsi yang diberikan kepada kaum wanita juga adakalanya begitu memalukan kerana telah melakukan perzinaan. Keadaan ini boleh memberi tekanan

kepada mereka hingga sesetengahnya mengambil keputusan untuk membunuh diri kerana tidak tahan dengan tekanan yang diterima. Tidak kurang juga ada yang mengambil keputusan pintas mengambil najis dadah dengan tujuan untuk mengurang dan melupakan masalah dan tekanan yang dihadapi (Zuhriah Mohd Juoi, 2001: 133).

Hubungan seks luar nikah kadangkala menyebabkan kehamilan yang sekaligus melahirkan anak luar nikah. Apabila lahirnya anak luar nikah, besar kemungkinan bayi yang dilahirkan tidak diingini oleh ibu-ibu mereka. Akhirnya wanita-wanita ini akan terjebak dengan anasir-anasir yang lebih teruk. Apabila perasaan rendah diri dan merasakan diri sudah kotor ada yang terdorong untuk terus melibatkan diri dalam kancas negatif seperti pelacuran (Zuhriah Mohd Juoi 2001: 132). Bagi wanita yang hamil pula akan mencari jalan menggugurkan kandungan, membuang bayi dan lebih menyedihkan dengan membunuh bayi tersebut. Contohnya mayat bayi lelaki yang ditemui di dalam beg dan mati selepas dibuang dari atas sebuah flat (Normala Hamzah, 2007).

Seseorang yang melakukan perzinaan atau seks bebas biasanya akan dibenci dan dihina oleh saudara mara dan kemungkinan ahli keluarga sendiri. Secara tidak langsung pelaku seks bebas sebenarnya telah menyebabkan keluarga terutamanya ibu bapa dihina dan dicaci oleh orang lain.

Menurut Fathi Yakan (1992: 46) bahaya zina kepada masyarakat kadangkala lebih buruk daripada penyakit kelamin. Ini kerana perzinaan dapat merosakkan masyarakat di mana asas masyarakat itu bergantung kepada individu dan keluarga sendiri. Apabila berlaku perzinaan sudah semestinya akan lahir anak luar nikah yang tidak diingini. Anak yang lahir hasil perzinaan akan teraniaya dan dizalimi kerana mereka tidak akan dihormati oleh masyarakat, dihina, dicaci dan tidak dikenali keturunannya.

Kehidupan yang tidak diterima oleh masyarakat menyebabkan mereka hidup dalam keadaan tertekan lebih-lebih lagi apabila mengetahui dirinya adalah benih dari perhubungan seks yang haram dan dipelihara di pusat bimbingan tertentu seperti rumah bimbingan Raudhatul Sakinah. Kadangkala dimomokkan pula dengan penyakit berjangkit yang mungkin diperoleh dari ibu bapa seperti HIV sehingga menjauhkan diri dari mereka. Fenomena ini membuatkan jiwa anak luar nikah memberontak sekaligus mendorong mereka melakukan perkara-perkara yang tidak bermoral dengan tujuan untuk mendapat perhatian masyarakat (Siti Hajar Hj. Ibrahim, 2002: 158).

Kajian yang dilakukan menerusi penggabungan data sekunder yang dikumpul oleh Chan Cheong Chong (2000) dan Annie Looi (2004) yang dilakukan ke atas pelajar Universiti Utara Malaysia yang berajuk “Persepsi Terhadap Hubungan Seks Sebelum Berkahwin Di Kalangan Pelajar Universiti”, mendapati majoriti responden iaitu 69.8 % daripada 798 orang menolak hubungan seks sebelum berkahwin. Seramai 72.92 % daripada pelajar tahun 2000 menolak hubungan seks sebelum berkahwin dan peratusan ini adalah lebih tinggi berbanding dengan pelajar tahun 2004 yang sekadar 66.3 %. Secara umumnya kajian ini memberi implikasi bahawa generasi yang akan datang berkemungkinan cenderung mempunyai persepsi yang lebih terbuka terhadap hubungan seks sebelum berkahwin (Abd. Rahim, 2006: 94).

Sementara itu, Jas Laile Suzana Jaafar (2005), dalam kajiannya yang bertajuk “Takat Keagamaan (Religiosity) Dan Motivasi Sosial Seks Sebelum Nikah Di Kalangan Remaja Melayu” mendapati majoriti remaja lelaki mendapat pengalaman belajar tentang seks dari majalah lucah berbanding dengan remaja perempuan yang mendapat pengalaman dari teman

lelaki. Kajian turut menunjukkan remaja melakukan seks buat kali pertama ketika berumur 18 hingga 20 tahun dan 44 % melakukan hubungan seks dengan teman lelaki dan wanita. Peratusan yang tinggi juga menunjukkan remaja tidak menyesal dengan tingkah laku mereka iaitu melakukan seks sebelum nikah. Dari sudut takat keagamaan, majoriti remaja melakukan seks kerana tidak kuat pegangan agama yang mana ia selaras dengan keputusan remaja yang tidak menyesal dengan tindakan mereka melakukan seks sebelum nikah. Selain itu kajian mendapati bahawa remaja melakukan seks kerana ingin tahu dan merasa seks, mahukan pengalaman seks, membuktikan rasa cinta dan memuaskan kehendak pasangan. Ini menunjukkan, mempunyai teman lelaki atau wanita adalah faktor utama yang signifikan dalam menentukan aktiviti seks remaja.

10.0 METOD

1. Reka Bentuk Kajian

Dalam melaksanakan penyelidikan, penyelidik telah menggunakan rekabentuk kajian berbentuk diskriptif iaitu satu tinjauan yang menggunakan borang soal selidik. Penyelidikan diskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku (Mohd Majid, 2004: 96). Ia selalunya dijalankan bertujuan untuk memberi penerangan yang sistematik mengenai sesuatu kajian secara fakta dan tepat (Sidek Mohd Noah, 2002: 42).

Dalam kajian ini penyelidik telah mengambil pendekatan menggunakan soal selidik secara langsung iaitu menyerahkan sendiri borang soal selidik kepada responden untuk mendapatkan maklumat dengan lebih berkesan. Maka kajian ini dijalankan untuk mendapatkan maklumat mengenai persepsi pelajar IPTA terhadap amalan seks bebas dalam kalangan pelajar IPTA. Maklumat yang diperolehi merupakan jawapan kepada masalah yang dinyatakan dalam kajian ini. Oleh itu soal selidik yang digunakan sesuai dan lebih praktikal untuk mendapatkan maklumat secara terperinci. Melalui kaedah ini, data yang dikumpul dapat membantu pengkaji untuk mencapai objektif kajian.

2. Populasi dan sampel kajian

Dalam kajian ini, populasi terdiri daripada 482 orang pelajar tahun empat yang mengambil kursus sarjana muda di Fakulti Pendidikan dan sedang menjalani pengajian sehingga sesi 2007/2008 di kampus Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Oleh kerana penyelidik ingin mendapatkan keputusan yang lebih tepat dan sah, maka pengkaji memilih keseluruhan populasi sebagai sampel kajian. Dengan penggunaan keseluruhan populasi sebagai subjek kajian, keputusan yang diperolehi adalah tepat kerana tiada ralat persampelan berlaku (Sidek Mohd Noah, 2002: 85).

3. Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan alat penting untuk memperolehi maklumat bagi mencapai objektif kajian. Instrumen kajian juga menentukan jenis data yang diperolehi dan ia mempengaruhi jenis analisis penyelidik. Soal selidik telah dibina sendiri oleh penyelidik dan soal selidik yang

dibentuk menjurus kepada objektif kajian yang telah ditetapkan. Oleh kerana instrumen kajian yang digunakan berbentuk soal selidik, pengkaji telah membina set soal selidik yang terbahagi kepada empat bahagian iaitu bahagian A, B, C dan bahagian D.

Bahagian A : Latar belakang responden dan keluarga.

Bahagian A mengandungi soalan berkaitan dengan maklumat diri responden seperti jantina, umur, pendidikan terakhir, status, program pengajian, bangsa, agama, status diri dan pencapaian akademik PNGK.

Bahagian B : Bahagian B mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan persepsi pelajar IPTA terhadap amalan seks bebas. Penyelidik telah membuat pengkelasan agihan soalan yang dipecahkan kepada beberapa tema tertentu.

Bahagian C : Bahagian C pula menumpukan kepada soalan-soalan yang berkenaan dengan persepsi pelajar IPTA terhadap langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah seks bebas dalam kalangan pelajar IPTA.

Bahagian D : Manakala dalam bahagian D, soalan-soalan yang dikemukakan adalah berkisar tentang faktor-faktor yang mendorong berlakunya amalan seks bebas dalam kalangan pelajar IPTA. Penyelidik telah membahagikan persoalan kajian kepada lima tema.

Berdasarkan kepada ketiga-tiga bahagian iaitu B, C dan D, responden dikehendaki memilih jawapan dengan menanda salah satu di antara lima pilihan pada setiap ruang kenyataan yang disediakan. Oleh itu pengkaji menggunakan skala likert untuk tujuan ini.

Skala	Skor
1	Sangat Tidak Setuju (STS)
2	Tidak Setuju (TS)
3	Kurang setuju (KS)
4	Setuju (S)
5	Sangat tidak setuju (SS)

Sumber: Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999: 97.

4. Kajian Rintis

Tujuan utama kajian rintis adalah untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Ia juga merupakan kaedah terbaik untuk mentadbir instrumen, mengenal sampel dan kesesuaian kaedah analisis (Mohd. Najib Abdul Ghafar, 2003: 159). Selain itu kajian rintis sangat berguna bagi mendedahkan kekeliruan dan soalan bermasalah yang lain yang masih wujud dalam soal selidik (Azizi Yahaya *et al.*, 2007: 170).

Oleh itu, kajian rintis digunakan untuk mengenal pasti sejauh mana kesesuaian instrumen kajian ke atas responden sebenar. Pengkaji telah membuat kajian rintis ke atas 10 orang pelajar tahun 3 Fakulti Pendidikan di UTM secara rawak mudah. Rasional penyelidik memilih pelajar tahun 3 Fakulti Pendidikan kerana mereka mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel

sebenarnya yang ingin dikaji. Soal selidik yang digunakan untuk tujuan kajian rintis adalah 37 soalan. Hasil yang diperolehi daripada kajian tersebut menunjukkan nilai alpha 0.85. Menurut Mohd. Najib Abd. Ghafar (2003: 161), nilai alpha yang lebih daripada 0.8 menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi. Ini menunjukkan soal selidik yang digunakan untuk kajian rintis boleh digunakan untuk kajian sebenar.

5. Kesahan Instrumen

Menurut Majid (1998), pengujian tahap kesahan adalah penting untuk memastikan item yang dibuat adalah bersesuaian dengan responden yang hendak diuji. Dalam ujian psikologi seperti yang digunakan dalam kajian ini penyelidik memfokuskan kepada kesahan kontrak dalam membina item-item. Bagi menentukan kesahan instrumen kajian ini, penyelidik meminta bantuan daripada pakar-pakar yang mempunyai pengalaman dalam bidang psikologi pendidikan.

6. Tempat kajian

Kajian ini dijalankan di Universiti Teknologi Malaysia kampus Skudai. Populasi kajian terdiri daripada semua pelajar tahun empat yang mengambil kursus sarjana muda di Fakulti Pendidikan, UTM. Kursus tersebut adalah SPA, SPE, SPJ, SPH, SPP, SPT, SPK, SPF, SPM, SPC, SPN, SPS, SPL dan SPI.

11.0 HASIL DAPATAN KAJIAN

1. Bahagian A

i. Latar Belakang Responden Mengikut Jantina

Jadual 1: Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan (kekerapan)	Peratus (%)
Lelaki	85	19.9
Perempuan	342	80.1
Jumlah	427	100.0

N=427

Jadual 4.1 menunjukkan taburan skor dan peratusan responden mengikut jantina. Jumlah keseluruhan responden adalah 427 orang. Seramai 85 responden terdiri daripada pelajar lelaki iaitu 19.9 % dan 342 responden adalah perempuan dengan peratusan 80.1. Ini menunjukkan pelajar perempuan lebih ramai berbanding pelajar lelaki.

ii. Latar Belakang Responden Mengikut Umur

Jadual 2: Taburan Responden Mengikut Umur

Umur	Bilangan (kekerapan)	Peratus (%)
18-25 tahun	359	84.1
26-33 tahun	65	15.2
Lain-lain	3	0.7
Jumlah	427	100.0

N=427

Jadual 2 menunjukkan taburan umur responden. Didapati 359 responden (84.1 %) berumur 18 hingga 25 tahun dan 65 responden (15.2 %) berumur 26 hingga 33 tahun. Sedangkan 3 responden yang lain iaitu 0.7 % berumur lebih 33 tahun. Manakala jumlah keseluruhan responden ialah 427 orang. Ini menunjukkan majoriti responden berumur sekitar 18 hingga 25 tahun iaitu dalam kategori remaja yang sedang meningkat dewasa.

iii. Latar Belakang Responden Mengikut Pendidikan Terakhir

Jadual 3: Taburan Responden Mengikut Pendidikan Terakhir

Pendidikan	Bilangan (kekerapan)	Peratus (%)
Sek. Jenis Kebangsaan	30	7.0
Sek. Swasta	1	.2
Sek. Berasrama Penuh	74	17.3
Sek. Men. Agama	59	13.8
Sek. Men. Kebangsaan	228	53.4
Lain-Lain	35	8.3
Jumlah	427	100.0

N = 427

Jadual 4.4 menunjukkan latar belakang responden mengikut pendidikan terakhir. Berdasarkan jadual tersebut didapati seramai 30 responden (7.0 %) dari Sekolah Jenis Kebangsaan, diikuti seorang responden (0.2 %) dari Sekolah Swasta dan 74 responden (17.3 %) dari Sekolah Berasrama Penuh. Sementara responden dari Sekolah Menengah Agama terdapat 59 orang (13.8 %) dan 228 responden (53.4 %) dari Sekolah Menengah Kebangsaan. Manakala 35 responden lagi adalah daripada lain-lain sekolah dengan peratusan 8.3. Jumlah keseluruhan responden adalah 427. Ini menunjukkan sebahagian besar pelajar mendapat pendidikan daripada sekolah bantuan penuh kerajaan.

iv. Latar Belakang Responden Mengikut Agama

Jadual 4: Taburan Responden Mengikut Agama

Agama	Bilangan (kekerapan)	Peratus (%)
Islam	394	92.3
Kristian	9	2.2

Hindu	7	1.6
Buddha	13	3.0
Lain-Lain	4	0.9
Jumlah	427	100.0

N = 427

Jadual 4.7 menunjukkan latar belakang responden mengikut agama. Jumlah keseluruhan responden adalah 427. Berdasarkan jadual tersebut seramai 394 responden (92.3 %) beragama Islam diikuti 9 responden beragama Kristian iaitu 2.1 %, manakala 7 responden (1.6 %) beragama Hindu. Sementara 13 responden yang lain terdiri daripada responden yang beragama Buddha iaitu 3.0 %. Ini menunjukkan jumlah responden tertinggi adalah beragama Islam.

2. Bahagian B: (Soal Selidik) Analisa Persoalan Kajian

Jadual 5: Dapatan Kajian Persepsi Pelajar IPTA Terhadap Amalan Seks Bebas.

Pernyataan	Positif		Neutral		Negatif		Min
	K	%	K	%	K	%	
Hubungan seks hanya boleh dilakukan oleh pasangan yang telah berkahwin sahaja.	416	97.5	7	1.6	4	0.9	4.83
Hubungan seks tidak boleh dilakukan oleh pasangan yang belum berkahwin tetapi ingin berkahwin	365	85.5	16	3.7	46	20.8	4.38
Hubungan seks tidak boleh dilakukan oleh pasangan yang belum berkahwin tetapi saling mencintai	383	89.7	11	2.6	33	7.7	4.51
Hubungan kelamin antara lelaki dan perempuan yang dilakukan tanpa ikatan perkahwinan disebut sebagai seks bebas.	400	93.7	12	2.8	15	3.5	4.62
Seks bebas juga dikenali sebagai perisetubuhan haram atau zina.	417	97.6	8	1.9	2	0.4	4.77
Pengamalan seks bebas boleh menyebabkan pelbagai penyakit seperti AIDS, HIV, Sifilis dan sebagainya.	423	99.0	3	0.7	1	0.2	4.81
Seks bebas merupakan suatu perbuatan yang menyimpang dalam penyaluran keinginan seks secara fitrah iaitu berkahwin.	411	96.3	7	1.6	9	2.1	4.70

Hubungan seks luar nikah merupakan perbuatan yang salah di sisi undang-undang dan agama.	416	97.4	10	2.3	1	0.2	4.79
Seseorang yang belum bernikah tidak boleh melakukan hubungan seks walaupun untuk membuktikan rasa cinta pada pasangan.	411	96.2	11	2.6	5	1.1	4.78
Sesiapa pun tidak boleh melakukan seks bebas walaupun ia adalah hak peribadi.	15	3.5	11	2.6	40	94.0	4.67
Nilai min keseluruhan							4.69

N = 427

Jadual 5 menunjukkan maklumat keseluruhan bagi item yang berkaitan dengan persepsi pelajar IPTA terhadap amalan seks bebas. Item pertama telah mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 4.83. Ia berkaitan dengan 'Hubungan seks hanya boleh dilakukan oleh pasangan yang telah berkahwin sahaja', di mana 97.5 % responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Manakala 1.6 % responden kurang setuju dan 0.9 % responden tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Diikuti pula dengan item keenam yang mencatatkan min kedua tertinggi iaitu 4.81. Ia berkaitan dengan pernyataan 'Pengamalan seks bebas boleh menyebabkan pelbagai penyakit seperti AIDS, HIV, Sifilis dan sebagainya.'

Manakala item kedua mencatatkan min terendah iaitu 4.38. Ia berkaitan dengan pernyataan 'Hubungan seks tidak boleh dilakukan oleh pasangan yang belum berkahwin tetapi ingin berkahwin'. Berdasarkan item tersebut seramai 85.5 % responden bersetuju, diikuti dengan 3.7 % responden berpendirian kurang setuju dan 10.8 % tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Walau bagaimanapun nilai min terendah dalam bahagian ini masih berada di tahap yang tinggi. Nilai min keseluruhan bagi bahagian ini ialah 4.69. Nilai min berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap amalan seks bebas berada pada tahap yang tinggi dan ini bermakna objektif kajian yang pertama mendapat respon yang positif daripada responden.

i. Dapatan Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Langkah-Langkah Yang Telah Diambil Untuk Menyelesaikan Masalah Seks Bebas Dalam Kalangan Pelajar IPTA.

Jadual 6 : Dapatan Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Langkah-Langkah Yang Telah Diambil Untuk Menyelesaikan Masalah Seks Bebas Dalam Kalangan Pelajar IPTA.

Pernyataan	Positif		Neutral		Negatif		Min
	K	%	K	%	K	%	
Peraturan universiti mengenai tatatertib mendiami kolej telah berjaya membendung masalah seks bebas dalam kalangan pelajar IPTA.	235	55.1	110	25.8	82	19.2	3.47
Peraturan universiti mengenai etika berpakaian pelajar telah berjaya mengurangkan masalah seks bebas dalam kalangan pelajar IPTA.	182	42.6	151	35.4	94	22.0	3.26
Usaha pihak Hal Ehwal Pelajar mengadakan pelbagai aktiviti kepada pelajar telah berjaya mengurangkan masalah seks bebas dalam kalangan pelajar IPTA.	188	44.1	142	33.3	97	22.8	3.29
Pihak pengetua/felo asrama dengan kerjasama pihak pengawal keselamatan benar-benar memainkan peranan dalam mengatasi masalah seks bebas dalam kalangan pelajar IPTA.	229	53.7	117	27.4	81	19.0	3.45
Peraturan universiti mengenai adab dan pergaulan antara lelaki dan perempuan telah berjaya mengurangkan masalah seks bebas dalam kalangan pelajar IPTA.	201	47.0	131	30.7	95	22.3	3.28
Peraturan universiti mengenai tatatertib keluar masuk asrama telah berjaya mengatasi masalah seks bebas dalam kalangan pelajar IPTA.	198	46.4	123	28.8	106	24.9	3.26
Usaha pihak kolej mengadakan pelbagai aktiviti kerohanian, moral dan sukan telah berjaya mengatasi masalah seks bebas dalam kalangan pelajar IPTA.	224	52.4	104	24.4	99	23.2	3.34

Berdasarkan jadual 6, menunjukkan keseluruhan min bagi objektif yang kedua iaitu persepsi pelajar IPTA terhadap langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah seks bebas dalam kalangan pelajar IPTA. Merujuk kepada jadual tersebut item pertama mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 3.47. Ia berkaitan dengan pernyataan 'Peraturan universiti mengenai tata tertib mendiami kolej telah berjaya membendung masalah seks bebas dalam kalangan pelajar IPTA'.

Berdasarkan pernyataan tersebut 55.1 % responden memilih bersetuju, manakala 25.8 % responden berpendirian kurang setuju dan 19.2 % responden tidak bersetuju. Item ke 12 dan ke 16 pula menunjukkan nilai min terendah yang mana masing-masing mencatatkan nilai min 3.26. Ia berkaitan dengan pernyataan 'Peraturan universiti mengenai etika berpakaian pelajar telah berjaya mengurangkan masalah seks bebas dalam kalangan pelajar IPTA' dan 'Peraturan universiti mengenai tata tertib keluar masuk asrama telah berjaya mengatasi masalah seks bebas dalam kalangan pelajar IPTA.'

Oleh itu nilai min keseluruhan bagi bahagian ini ialah 3.34. Nilai min berada pada tahap yang sederhana. Ini menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah seks bebas di kalangan pelajar IPTA berada pada tahap yang sederhana dan ini bermakna objektif kajian yang kedua mendapat respon yang sederhana daripada responden.

12.0 PERBINCANGAN

1. Maklumat Latar Belakang Responden

Kajian ini melibatkan responden seramai 427 orang. Perbincangan pertama mengenai latar belakang responden berkenaan dengan jantina. Berdasarkan analisis yang diperolehi 342 responden (80.1 %) adalah perempuan manakala 85 (19.9 %) terdiri daripada responden lelaki. Ini menunjukkan majoriti pelajar adalah perempuan.

Analisis seterusnya berkaitan dengan umur responden. Keputusan analisis mendapati bahawa 359 responden (84.1 %) berumur dalam lingkungan 18 hingga 25 tahun. Diikuti 65 responden (15.2 %) berumur di antara 26 hingga 33 tahun, manakala hanya 3 responden (0.7 %) sahaja berumur 33 tahun ke atas. Ini menunjukkan majoriti responden dalam kategori remaja yang sedang meningkat dewasa dan matang untuk membuat keputusan.

Manakala latar belakang responden dari sudut pendidikan terakhir, peratusan tertinggi menunjukkan 228 responden (53.4 %) dari Sekolah Menengah Kebangsaan. Diikuti 74 responden (17.4 %) dari Sekolah Berasrama Penuh, seramai 59 responden (13.8 %) dari Sekolah Menengah Agama dan 35 responden (8.3 %) responden dari lain-lain sekolah. Sementara 30 responden (7.0 %) dari Sekolah Jenis Kebangsaan manakala hanya seorang (0.2 %) sahaja dari Sekolah Swasta. Ini menunjukkan majoriti responden menerima pendidikan agama dari Sekolah Menengah Kebangsaan yang mana pendidikan agama kurang ditekankan.

Kajian seterusnya untuk melihat taburan responden mengikut agama. Analisis mendapati 396 responden (92.7 %) beragama Islam dan 31 responden (7.3 %) terdiri daripada pelajar bukan

Islam. Manakala taburan responden mengikut bangsa mendapati seramai 397 responden 93.0 % berbangsa Melayu diikuti dengan bangsa lain seramai 30 responden (7.0 %). Sementara mengikut status diri responden menunjukkan 387 responden (90.6 %) masih bujang manakala 40 responden (9.4 %) terdiri daripada pelajar yang sudah berkahwin. Ini menunjukkan majoriti responden terdiri dalam kalangan pelajar yang berbangsa Melayu, beragama Islam dan belum berkahwin.

2. Persepsi Pelajar Terhadap Amalan Seks Bebas

Bagi persoalan kajian yang pertama penyelidik telah membina 10 item soalan. Ia berkaitan dengan pandangan pelajar terhadap amalan seks bebas. Analisis item 6 mendapati 423 responden (99.0 %) mengatakan pengamalan seks bebas boleh menyebabkan pelbagai penyakit seperti AIDS, HIV, Sifilis dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa responden mengetahui kesan melakukan seks bebas boleh menimbulkan pelbagai penyakit berjangkit. Dapatan ini selaras dengan statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia 2005, mendapati sehingga Jun 2004 menunjukkan 80 % jangkitan terhadap penghidap HIV/AIDS di seluruh dunia adalah disebabkan oleh hubungan seks.

Manakala analisis bagi item 1 menunjukkan 416 responden (97.5 %) mengatakan bahawa hubungan seks hanya boleh dilakukan oleh pasangan yang telah bernikah sahaja. Ini kerana seramai 416 responden (97.4 %) mengatakan hubungan seks luar nikah merupakan perbuatan yang salah di sisi undang-undang dan agama. Di mana terdapat dalam seksyen 23, Enakmen Jenayah Syariah Johor berhubung dengan kesalahan persetubuhan luar nikah. Pesalah dikenakan denda tidak melebihi RM5000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan. Dalam Islam pula hubungan seks luar nikah merupakan suatu dosa besar.

Item 4 pula menunjukkan 400 responden (93.7 %) mengatakan hubungan kelamin antara lelaki dan perempuan yang dilakukan tanpa ikatan perkahwinan disebut sebagai seks bebas. Ini kerana 411 responden (96.3 %) berpendapat bahawa seks bebas merupakan suatu perbuatan yang menyimpang dalam penyaluran keinginan seks secara fitrah iaitu berkahwin. Diikuti 417 responden (97.6 %) mengatakan seks bebas turut dikenali sebagai persetubuhan haram atau zina. Ini menunjukkan pengetahuan responden tentang seks bebas adalah tinggi.

Sementara bagi item 9, seramai 411 responden (96.2 %) mengatakan seseorang yang belum bernikah tidak boleh melakukan hubungan seks walaupun untuk membuktikan rasa cinta pada pasangan. Item ini dikukuhkan lagi dengan item 3 dan item 2 yang mana 383 responden (89.7 %) bagi item 3 mengatakan hubungan seks tidak boleh dilakukan oleh pasangan yang belum berkahwin tetapi saling mencintai.

Manakala bagi item 2 seramai 365 responden (85.5 %) mengatakan hubungan seks tidak boleh dilakukan oleh pasangan yang belum berkahwin tetapi ingin berkahwin. Ini menunjukkan responden mengetahui bahawa hubungan seks tidak boleh dilakukan walau dengan alasan apa sekalipun melainkan dengan ikatan perkahwinan sahaja. Min keseluruhan bagi persoalan yang pertama berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.69. Ini bermakna responden mengetahui dengan jelas tentang konsep seks bebas sama ada dari segi istilah, hukum serta kesan-kesan yang timbul akibat melakukannya. Analisis menunjukkan responden menolak hubungan seks sebelum berkahwin. Dapatan ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Chan Cheong Chong (2000)

dan Annie Looi (2004) yang mana majoriti responden menolak hubungan seks sebelum berkahwin.

3. Persepsi Pelajar Terhadap Langkah-langkah Yang Telah Diambil Untuk Menyelesaikan Masalah Seks Bebas Dalam Kalangan Pelajar IPTA

Bagi persoalan yang kedua, terdapat tujuh item soalan yang disediakan oleh penyelidik mengenai persepsi pelajar terhadap langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah seks bebas dalam kalangan pelajar IPTA. Analisis bagi item 11 mendapati 235 responden (55.1 %) mengatakan bahawa peraturan universiti mengenai tata tertib mendiami kolej telah berjaya membendung masalah seks bebas.

Walau bagaimanapun, seramai 110 responden (25.8 %) berpendapat kurang setuju diikuti 82 responden (19.2 %) mengatakan tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Bagi item 14 pula menunjukkan seramai 229 responden (53.7 %) mengatakan bahawa pihak pengetua/felo asrama dengan kerjasama pihak pengawal keselamatan benar-benar memainkan peranan dalam mengatasi masalah seks bebas dalam kalangan pelajar IPTA. Ini kerana seramai 224 responden (52.4 %) bagi item 17 mengatakan usaha pihak kolej mengadakan pelbagai aktiviti kerohanian, moral dan sukan telah berjaya mengatasi masalah seks bebas. Ini menunjukkan sebahagian responden berpendapat bahawa pihak-pihak tertentu seperti pengetua, felo asrama dan pengawal keselamatan memainkan peranan dan bekerjasama dalam mengatasi masalah seks bebas dalam kalangan pelajar IPTA.

Manakala bagi item 12, 15 dan 16 masing-masing merupakan peraturan universiti mengenai adab dan pergaulan antara lelaki dan perempuan, tata tertib keluar masuk asrama serta etika berpakaian pelajar. Item 12 menunjukkan 182 responden (42.6 %) mengatakan peraturan universiti mengenai etika berpakaian pelajar telah berjaya mengurangkan masalah seks bebas dalam kalangan pelajar IPTA. Item 15 pula menunjukkan 201 responden (47.0 %) berpendapat, peraturan universiti mengenai adab dan pergaulan antara lelaki dan perempuan telah berjaya mengurangkan masalah seks bebas. Manakala bagi item 16, seramai 198 responden (46.4 %) mengatakan peraturan universiti mengenai tata tertib keluar masuk asrama telah berjaya mengatasi masalah seks bebas dalam kalangan pelajar IPTA. Ini menunjukkan sebahagian responden sahaja berpendapat bahawa peraturan universiti yang terkandung dalam buku peraturan pelajar seperti melarang pelajar berkelakuan tidak sopan dan keluar asrama selepas waktu tengah malam telah berjaya mengatasi masalah seks bebas dalam kalangan pelajar IPTA.

Sementara bagi item 13, seramai 188 responden (44.1 %) mengatakan usaha pihak Hal Ehwal Pelajar mengadakan pelbagai aktiviti kepada pelajar telah berjaya mengurangkan masalah seks bebas dalam kalangan pelajar IPTA. Item 13 menunjukkan peraturan kedua terendah. Ini kerana 142 responden (33.3 %) berpendapat kurang bersetuju manakala 97 responden (22.8 %) mengatakan usaha pihak Hal Ehwal Pelajar tidak berjaya mengatasi masalah seks bebas.

Ini bermakna sebahagian pelajar sahaja berpendapat aktiviti yang dianjurkan oleh pihak universiti seperti Majlis Sukan Mahasiswa (MASUM), minggu kokurikulum dan pesta konvokesyen dapat mengatasi masalah seks bebas dalam kalangan pelajar IPTA. Secara keseluruhannya min bagi persoalan kedua adalah 3.34 dan berada di tahap yang sederhana. Ini menunjukkan peraturan dan undang-undang yang diperuntukkan oleh pihak universiti kurang memberi kesan dalam menangani masalah seks bebas dalam kalangan pelajar IPTA. Peraturan

yang dikuatkuasakan termasuklah etika berpakaian pelajar, tatatertib keluar masuk asrama, etika pergaulan antara lelaki dan perempuan dan sebagainya.

13.0 RUMUSAN

Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan, dapatlah pengkaji membuat kesimpulan bahawa dunia hari ini sedang berhadapan dengan masalah seks global. Malaysia khususnya, gejala seks bebas, pengguguran, kelahiran anak luar nikah dan pembuangan bayi dalam kalangan remaja hari ini tidak lagi menjadi perkara asing dalam masyarakat. Budaya seks bebas yang di bawa dari Barat ini sebenarnya telah menyeret manusia jauh dari peradaban manusia, apatah lagi mematuhi prinsip dan dasar Islam.

Secara keseluruhan dapatan kajian menunjukkan persepsi pelajar tahun empat Fakulti Pendidikan terhadap amalan seks bebas masih berada pada tahap yang tinggi iaitu menolak hubungan seks sebelum kahwin. Namun langkah segera perlu diambil bagi mengatasi masalah seks bebas yang baru menular khususnya dalam kalangan bakal pendidik UTM. Dikhuatiri jika tiada langkah yang tegas dan segera diambil, tidak mustahil suatu hari nanti akan wujud kecenderungan menerima hubungan seks sebelum kahwin dalam kalangan mahasiswa. Lantaran itu, tindakan perlu diambil dan semua pihak harus memainkan peranan masing-masing.

RUJUKAN

- Abd Rahim Abd Rashid, Sufean Hussin dan Che Hashim Hassan. (2006). *Krisis dan Konflik Institusi Keluarga*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abd Rahim Abd Rashid. (2001). *Nilai-nilai Murni Dalam Pendidikan: Menghadapi Perubahan dan Cabaran Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abdullah Naseh Ulwan. (2003). *Generasi Muda Islam Dan Cabaran Globalisasi*. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Ahmad Amin Mohd Sulaiman. (1995). *Seksualiti dan Kaunseling*. Utusan Publications Distributors Sdn Bhd.
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. (2003). *Gejala Sosial dalam Masyarakat Islam*, Utusan Publications Sdn.Bhd.
- Amina Hj. Noor. (1998). *Persoalan Remaja Masa Kini*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Aminuddin Ruskam al-Dawamy. (2004). *Pascamoden: Perbincangan Isu Sosial*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Jamaluddin Ramli, Yusof Boon, Abdul Rahim Hamdan. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Berhanuddin Abdullah. (1997) *Pengurusan Dakwah Dalam Menangani Gejala Sosial*. Seminar Kebangsaan Dakwah dan Perubahan Sosial. November 5-6. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Buku Peraturan Pelajar (2003). Universiti Teknologi Malaysia.
- Chris Ryan dan C. Michael Hall. (2001). *Sex Tourism: Marginal People and Liminalities*. London: Routledge Taylor & Francis Group.
- Fariza Md Sham. (1997) *Dakwah Islamiah Dalam Arus Globalisasi*. Seminar Kebangsaan Dakwah dan Perubahan Sosial. November 5-6. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Fathi Yakan. (1992). *Seks Dari sudut Islam*. Johor Bharu: Penerbitan Al-Masyhur Sdn. Bhd.
- Fauziah Abd Ralib. (2003). *Permasalahan Remaja Dan Kaedah Mengatasinya*. Kuala Lumpur: Pustaka Segar.
- Hanafi Mohamed, Drs. (1994). *Kefahaman dan Pendidikan Seks dalam Islam*. Dinie Publisher:Khazanah Ilmu, Dakwah dan Tarbiah.
- Harlina Halizah Siraj dan Noralina Omar. (2007). *Kesihatan Reproduksi Remaja*. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Ibn Qayyim Al-Jauziyah. (2005). *Siraman Hati :Bagi yang Mendambakan Ketenangan Hati*. Jakarta:Penerbit Lentera.
- Irfan Hakimi b. Sahazwan. (2006). *Budaya Lepak dan Ancaman AIDS dan Dadah*. EDU Quest Publisher.
- J. Mark Halstead and Michael J. Rein. (2003). *Values In Sex Education From Principles to Practice*. New York: Routledge Falmer.
- Jas Lailee Suzana Jaafar. (2005). Takat Keagamaan (Religiosity) dan Motivasi Sosial Seks Sebelum Nikah Di Kalangan Remaja Melayu dalam Roziah Omar dan Sivamurugan Pandian. *Malaysia Isu-isu Sosial Semasa*. Unit Penerbitan ISM Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Mariani bt. Md. Nor dan Hamidah bt. Sulaiman. (2005). Seks Bebas: Mengenal Pasti Punca Pelakuan dalam Roziah Omar dan Sivamurugan Pandian. *Malaysia Isuisu Sosial Semasa*. Unit Penerbitan ISM Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Maslee Malik dan Hamidah Mat. (2007). *Cinta IPT: Rahsia Yang Perlu Anda Ketahui*. Selangor: Edusystem Sdn. Bhd.
- Mohd Majid Konting. (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Najib Abdul Ghafar. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Shatar Sabran. (2003). *Pengenalan Kepada Masalah Sosial*.Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Taib Osman. (2004). *Globalisasi, Patriotisme dan Isu-Isu Kemasyarakatan*. Universiti Malaya.
- Mustafa Abdul Wahid Dr. (1995). *Wanita dan Seks Bebas:Penyelesaian Menurut Islam*. Pustaka Ilmi.
- Nur Fadila Ramli. (2001). *Bimbingan Kaunseling Remaja*. Selangor:Sama Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Paizah Haji Ismail. (1991). *Undang-undang Jenayah Islam*. Selangor: Dewan Pustaka Islam.
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Rekabentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori Dan Praktis* Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Syed Arabi Idid. (2002). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Putaka.
- Tengku Muhamad bin Tengku Abdullah. (2000). *Tingkhalku Seks Bebas: Kajian Kes Ke Atas Masyarakat Melayu di Negeri Pahang*. Universiti Malaya.

- W.S.Turambi. (1992). *Remaja Harus Mengetahuinya*. Kuala Lumpur:Southeast Asia Publishing House.
- Yusuf Abdullah al-Qaradhawi. (2005). *Fiqh Keutamaan:Satu Kajian Baru dari Perspektif al-Quran dan al-Sunnah*. Selangor: Thinker's Library Sdn Bhd.
- Zuhriah Mohd Juoi. (2001). *Masalah Seks Dan Jalan Penyelesaiannya*. Johor Bharu: Perniagaan Jahabersa.
- Zulkiffly Ahmad. (2006). *Jenayah Seksual*. Mostgain Resources Publications.
- Zulkifli Mohamed. (1997) *Masalah Jenayah Sosial Daripada Perspektif Polis Diraja Malaysia (PDRM)*. Seminar Kebangsaan Dakwah dan Perubahan Sosial. November 5-6. Universiti Kebangsaan Malaysia.